



PEKEBUN KECIL SAWIT DI TONGOD SABAH, TUBUH KOPERASI



Tan Sri Bernard Dompok, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi berucap ketika merasmikan Pelancaran Koperasi Penanam Sawit Mampan Daerah Tongod, Sabah pada 13 Oktober 2010.

KANDUNGAN

- Pekebun Kecil Sawit di Tongod Sabah, Tubuh Koperasi 1
- Dari Meja Ketua Penyunting 2
- Sudut Teknologi - Pembajaan Sawit di Tanah Bermasalah 4
- Kenalilah... Baja MPOB F4 8
- Kuiz Sawit 9
- Sudut Kreatif Sawit 10
- Sembang Sawit 10
- Sedutan Akhbar 11
- Tahukah Anda? 13
- Berita Bergambar 14
- Diari & Peristiwa 18
- Profil Komoditi 19
- Peladang Jaya 21
- Direktori MPOB 24
- Senarai Tapak Semaian yang Mendapat Sijil Kewibawaan Pengurusan Tapak Semaian (OPNCC) 27




Bersatu Kita Teguh, Bercerai Kita Roboh merupakan slogan terbaik bagi menggambarkan perpaduan dan kerjasama yang ditunjukkan oleh penanam sawit di daerah

Tongod, Sabah semasa tertubuhnya Koperasi Penanam Sawit Mampan yang pertama di negara ini. Majlis pelancaran Koperasi Penanam Sawit Mampan daerah Tongod yang telah disempurnakan oleh Tan Sri Bernard Dompok, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi pada 13 Ogos 2010 telah dihadiri seramai 527 orang pekebun kecil sawit dari seluruh daerah Tongod.

Dalam ucapan perasmianya, Tan Sri Bernard Dompok memaklumkan, kerajaan melalui Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) akan sentiasa memberi tumpuan untuk meningkatkan produktiviti sawit mampan melalui amalan pertanian baik (GAP) terutamanya di kalangan pekebun kecil sawit persendirian. Penglibatan pekebun kecil dalam pengeluaran sawit mampan akan meningkatkan kesedaran dan amalan yang mesra alam, penjagaan sumber asli serta penerapan nilai sosial dan kemasyarakatan setempat.

Dalam usaha untuk menggalakkan penyertaan pekebun kecil dalam pengeluaran sawit mampan, MPOB telah mengambil inisiatif menyatukan pekebun kecil dalam

Bersambung ke muka surat 2



Sidang Pengarang

PENASIHAT
Datuk Dr Choo Yuen May

TIMBALAN Pengerusi
Hj Idris Omar

KETUA PENYUNTING
Hj Hamdan Abu Bakar

PENYUNTING
Hj Wahid Omar
Hj Suboh Ismail
Dr Siti Ramlah Ahmad Ali
Hj Ahmad Tarmizi Mohammed
Dr Ahmad Tarmizi Hashim
Ab Aziz Md Yusof
Hj Che Johari Mamat
Hj Mohd Azmi K Ismail
Mazlan Mustaffa
Noor Asmawati Abd Samad

SETIAUSAHA
Dr Hj Zainon Mat Sharif

Sambungan dari muka surat 1

gerakan koperasi yang bermatlamat mencapai peningkatan produktiviti tinggi dan tahap sosioekonomi pekebun kecil. Tambah beliau lagi, penyatuan pekebun kecil dalam gerakan koperasi akan memudahkan penyaluran bantuan kerajaan dan pemindahan teknologi kepada pekebun kecil serta dalam masa yang sama mewujudkan kesepakatan di antara pekebun kecil setempat. Di samping itu, pekebun kecil juga akan mudah untuk mendapatkan input pertanian terutamanya di kawasan pedalaman. Selain itu, penjualan buah tandan segar (BTS) dengan jaminan harga yang baik dapat dinikmati oleh pekebun kecil.

Beliau turut berharap agar pekebun kecil melibatkan diri dalam pelaksanaan pensijilan minyak sawit mampan (RSPO). Penglibatan pekebun kecil dalam pensijilan RSPO adalah sejajar dengan peningkatan permintaan negara pengimport terhadap produk sawit yang dihasilkan secara mampan dan mesra alam. Usaha ini akan menjamin pasaran minyak sawit Malaysia di luar negara yang lebih baik dan seterusnya menawarkan tawaran harga yang lebih tinggi. Ini akan menyumbang kepada peningkatan pen-



DARI MEJA

KETUA PENYUNTING

Pekebun kecil sawit persendirian adalah mereka yang memiliki tanaman sawit 40.4 ha (100 ekar) atau kurang. Sehingga 31 Ogos 2010, terdapat 164 453 orang pekebun kecil sawit dengan keluasan 0.61 juta hektar, atau kira-kira 13% daripada jumlah keseluruhan kawasan sawit negara. Sumbangan pekebun kecil persendirian tidak kurang penting dalam membangun dan menjayakan industri sawit negara.

Purata hasil buah tandan segar (BTS) mereka pada masa kini ialah sekitar 14 t/ha/thn. Pencapaian ini masih di tahap rendah dan perlu ditingkatkan, walaupun tidak dinafikan terdapat beberapa orang pekebun kecil persendirian yang telah berjaya memperoleh hasil lebih 30 t/ha/thn dan telah menyertai Kelab 30 Tan. Salah satu pengisian utama program pengembangan MPOB adalah meningkatkan produktiviti pekebun kecil sawit. Pada masa ini, terdapat 125 orang pegawai TUNAS di seluruh negara menjalankan tanggungjawab ini.

Pembangunan tanaman sawit mula dipelopori oleh pihak swasta, kemudian diikuti oleh agensi kerajaan seperti FELDA dan lain-lain. Pekebun kecil persendirian mula menceburi bidang ini bermula awal 1970an. Justeru itu, kebanyakan tanah yang dibangunkan adalah terdiri daripada jenis yang bermasalah. Penerbitan Warta Sawit kali ini memuatkan panduan membaja di tanah bermasalah supaya produktiviti tanah tersebut dapat dioptimumkan. Bagi tanah gambut, serangan kulat Ganoderma juga menjadi punca kepada penyakit reput pangkal batang. Pokok sawit yang diserang Ganoderma akan mati dalam beberapa tahun sekiranya tidak dikawal. Pengeluaran buah dalam tempoh tersebut boleh berkurangan sehingga 40%. Menyedari hakikat ini, MPOB telah mereka cipta alat untuk mengesan serangan kulat Ganoderma dengan lebih awal yang dikenali sebagai Ganosken. Apabila teknologi ini dikomersialkan, pekebun kecil boleh mendapatkan perkhidmatan Ganosken untuk mengesan kehadiran kulat Ganoderma dengan cepat.

dapatan pekebun kecil dan eksport negara.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Dato Seri Utama Shahrir Abdul Samad, Pengerusi MPOB, Datuk Dr Mohd Basri Wahid, Ketua Pengarah MPOB, Datuk Saddi Abdul Rahman, ADUN Sukau dan Tuan Masiung Banah, ADUN Kuamut.

Dato Seri Utama Shahrir Abdul Samad dalam ucapan aluannya menyeru agar pekebun kecil tidak melepaskan peluang merebut bantuan

Bersambung ke muka surat 3

Sambungan dari muka surat 2



Tan Sri Bernard Dompok menyampaikan replika kad keahlian koperasi kepada salah seorang Jawatankuasa Penaja Koperasi Penanam Sawit Mampam Daerah Tongod, Sabah.

kerajaan seperti Skim Bantuan Anak Benih Sawit Berkualiti (SBABB), Skim Insentif Tanam Semula Sawit, Skim Diskaun *Cantas* (SKIDIC) dan lain-lain bantuan yang disalurkan melalui MPOB bagi memastikan usaha untuk meningkatkan produktiviti sawit dan pendapatan pekebun kecil tercapai. Justeru itu, pekebun kecil disarankan untuk menghubungi pejabat MPOB atau Pegawai TUNAS yang berhampiran bagi mendapatkan maklumat dan permohonan bantuan yang ada.

Dalam majlis tersebut, Tan Sri Bernard Dompok turut menyampaikan bantuan anak

benih berkualiti dan baja kepada wakil 10 buah kampung dengan jumlah penerima bantuan seramai 274 orang yang membabitkan keluasan 890.48 ha.

Penubuhan Koperasi Penanam Sawit Mampam Daerah Tongod yang pertama di negara ini diharap akan menjadi perintis kepada pekebun kecil sawit dari daerah lain untuk turut sama menubuhkan koperasi serta memupuk semangat kerjasama dan kesepakatan bagi mendapatkan manfaat dalam jangka panjang.



Sumbangan:
Nazirah Che Jaafar
(nazirah@mpob.gov.my)

SUDUT TEKNOLOGI

PEMBAJAAN SAWIT DI TANAH BERMASALAH

Pengenalan

Membaja merupakan salah satu aktiviti terpenting untuk tanaman sawit. Ia perlu dilakukan oleh pengusaha bagi memperoleh pertumbuhan serta hasil yang baik. Tujuan membaja ialah untuk menampung kekurangan nutrien terutamanya nitrogen (N), fosfat (P), kalium (K) dan magnesium (Mg) yang tidak dapat diperolehi secukupnya dari tanah. Pembajaan yang cekap termasuk kuantiti yang cukup, kadar nutrien yang seimbang, tempat pembajaan dan jadual yang betul.

Bagi tanah bermasalah seperti gambut, tanah asid sulfat atau berpotensi asid sulfat, tanah laterit dan bris, terdapat sedikit kelainan dari segi kaedah pembajaannya. Kandungan nutrien sedia ada kebanyakan tanah bermasalah biasanya lebih rendah berbanding tanah mineral atau tanah mendakan laut yang lebih subur.

Tanah Gambut

Walaupun tanah gambut mempunyai kandungan N semula jadi yang tinggi dalam bahan organik, kesediaan N adalah rendah disebabkan kadar C:N yang tinggi. Bahan organik tersebut perlu diurai terlebih dahulu melalui proses pereputan dan pemineralan sebelum dapat dimanfaatkan kepada tanaman. Baja N diperlukan pada kadar agak tinggi di peringkat dua tahun awal penanaman terutama di kawasan yang baru dibangunkan. Pada tahun ketiga dan seterusnya, keperluan baja N adalah lebih rendah berbanding tanah lain. Pembajaan menggunakan urea dengan kadar 1.00-1.25 kg/pk/thn adalah memadai untuk pokok sawit matang.

Keadaan semula jadi gambut adalah bersifat masam (pH 3.0-4.5). Penggunaan sumber baja N berasid seperti ammonium sulfat tidak digalakkan bagi mengelakkan tanah menjadi lebih masam yang mana akan mengehadkan pengambilan kebanyakan nutrien termasuk N oleh pokok.

Kandungan K di tanah gambut biasanya sangat rendah. Penggunaan baja seperti *muriate of potash* (MOP) diperlukan pada kadar yang tinggi iaitu sekitar 5-6 kg/pk/thn. Nutrien K secukupnya amat penting untuk pembentukan serta perkembangan tandan selain ketahanan terhadap penyakit.

Keperluan P di tanah gambut umumnya pada kadar sederhana. Penggunaan baja P secara berlebihan tidak digalakkan kerana ia boleh mengurangkan hasil buah tandan segar (BTS). Keperluan Mg di tanah gambut biasanya mencukupi. Bagaimanapun, kesan penggunaan baja K terlalu tinggi dilaporkan boleh mengehadkan pengambilan Mg. Kekurangan Mg biasanya dipantau dengan penaburan baja kieserit sebanyak 1.0-1.5 kg/pk/thn.

Pokok sawit di tanah gambut sering mengalami kekurangan kuprum (Cu) dan zink (Zn) disebabkan nutrien tersebut mudah diresapi oleh asid humik dan asid fulvik yang banyak terdapat pada bahan organik. Kesan pembajaan baja P berlebihan juga dilaporkan boleh mengehadkan pengambilan Cu dan Zn oleh tanaman sawit. Kekurangan dua nutrien tersebut biasanya dipantau menggunakan baja kuprum sulfat dan zink sulfat. Pemantauan dilakukan bermula sejak di peringkat awal penanaman sehingga tahun ketiga. Seterusnya, penggunaan baja tersebut dilakukan mengikut keperluan berpandukan analisis daun atau sekiranya terdapat simptom kekurangan berdasarkan pemerhatian. Ia dilakukan secara taburan atau semburan daun. Panduan pembajaan di tanah gambut menggunakan baja sebatian adalah seperti dalam *Jadual 1*.

Tanah Asid Sulfat atau Berpotensi Asid Sulfat

Tanah asid sulfat (TAS) biasanya menjejaskan pertumbuhan sawit disebabkan kehadiran bahan atau lapisan sulfurik. Ia terbentuk hasil daripada mendakan lumpur laut yang mengandungi bahan ferum sulfid (FeS_2) dikenali sebagai pirit. Penurunan paras air di ladang secara berlebihan akan menyebabkan resapan udara ke dalam tanah dan mewujudkan persekitaran yang sesuai berlakunya proses pengoksidaan pirit. Tindak balas tersebut akan menghasilkan asid sulfat yang boleh menyebabkan tanah menjadi terlalu masam (pH <3.0).

Selain menjejaskan pengambilan nutrien, tanah terlalu masam juga menyebabkan keracunan besi (Fe), aluminium (Al) dan mangan (Mn) yang menjejaskan pertumbuhan dan hasil sawit. Kesan yang teruk boleh dilihat apabila

Sambungan dari muka surat 4

pelepah sawit muda menjadi kering. Sistem perparitan yang cekap perlu disediakan bagi mengawal paras air di ladang supaya sentiasa di sekitar 45-60 cm dari paras tanah untuk mengurangkan pembentukan tanah berasid.

Pembajaan sawit di kawasan tanah asid sulfat atau berpotensi asid sulfat adalah seperti dalam *Jadual 2*. Baja MPOB F2 diformulasi menggunakan ammonium nitrat untuk sumber N. Penggunaan baja berasid seperti ammonia sulfat perlu dielakkan bagi menghalang peningkatan kemasaman tanah. Abu tandan sawit sebagai sumber baja K yang bersifat kelat digalakkan untuk digunakan bagi mengurangkan kemasaman tanah selain memperbaiki sifat kimia TAS. Penggunaan

baja kieserit ada kalanya diperlukan sekiranya pokok mengalami kekurangan Mg, bergantung kepada pemerhatian atau analisis daun yang dibuat dari masa ke semasa.

Tanah Laterit dan Bris

Tanah laterit kebanyakannya terdapat di kawasan berbukit. Masalah utama tanah ini ialah ia mempunyai isi padu bahagian tanah efektif yang terhad disebabkan terdapat lapisan tanah keras atau berkerikil. Kandungan nutrien serta nilai keupayaan pertukaran kation (CEC) adalah rendah di samping P mudah terikat oleh partikel tanah.

JADUAL 1. PEMBAJAJAN SAWIT DI TANAH GAMBUT MENGGUNAKAN MPOB F3

Umur (tahun)	Baja		Kekerapan
	Jenis	Kadar (kg/pk/thn)	
0 (tabur dalam lubang semasa menanam)	Batuan fosfat	0.20	Sekali
	kuprum sulfat	0.02	
	zink sulfat	0.02	
	kapur (LSD)	2.50	
1	MPOB F3	3.0	4 pusingan (setiap 3 bulan)
2	MPOB F3	6.0	4 pusingan (setiap 3 bulan)
3	MPOB F3	6.5	3 pusingan (setiap 4 bulan)
4	MPOB F3	7.0	3 pusingan (setiap 4 bulan)
5 dan ke atas	MPOB F3	7.5 - 9.0	3 pusingan (setiap 4 bulan)

Nota: MPOB F3 (10% N: 7% P₂O₅: 19% K₂O: 1.5% MgO : 0.5% B₂O₃ + 17% Zeolite).

JADUAL 2. PEMBAJAJAN SAWIT DI TANAH ASID SULFAT MPOB F2

Umur (tahun)	Baja		Kekerapan
	Jenis	Kadar (kg/pk/thn)	
0 (ditabur dalam lubang semasa menanam)	Batuan fosfat	0.3	Sekali
1	MPOB F2	2.5	4 pusingan (setiap 3 bulan)
2	MPOB F2	6.0	4 pusingan (setiap 3 bulan)
3	MPOB F2	6.4	3 pusingan (setiap 4 bulan)
4	MPOB F2	7.2	3 pusingan (setiap 4 bulan)
5	MPOB F2	7.5	3 pusingan (setiap 4 bulan)
6 dan ke atas	MPOB F2	7.5 - 9.0	2-3 pusingan (setiap 4-6 bulan)

Nota: MPOB F2 (10.7% N: 9.1% P₂O₅: 17.3% K₂O: 1.4% MgO: 0.5% B₂O₃).

Bersambung ke muka surat 6

Sambungan dari muka surat 5

JADUAL 3. PEMBAJAJAN SAWIT DI TANAH LATERIT DAN BRIS MENGGUNAKAN BAJA SEBATIAN MPOB F4

Umur (tahun)	Baja		Kekerapan
	Jenis	Kadar (kg/pk/thn)	
0 (ditabur dalam lubang semasa menanam)	Batuan fosfat	0.3	Sekali
1	MPOB F4	2.5	4 pusingan (setiap 3 bulan)
2	MPOB F4	4.5	4 pusingan (setiap 3 bulan)
3	MPOB F4	4.5	3 pusingan (setiap 4 bulan)
4	MPOB F4	6.0	3 pusingan (setiap 4 bulan)
5 dan ke atas	MPOB F4	7.5-9.0	3 pusingan (setiap 4 bulan)

Nota: MPOB F4 (9% N: 6% P₂O₅: 18% K₂O: 2% MgO: 0.5% B₂O₃ + 10% Zeolite).

Tanah bris pula kebanyakannya terdapat di kawasan persisiran pantai timur Semenanjung. Keadaan semula jadinya bertekstur pasir (>90%) manakala kandungan liat pula adalah rendah (<5%). Struktur tanahnya lemah manakala saluran air sangat tinggi selain bahan organik tanah juga rendah (<1%) menyebabkan daya memegang air menjadi lemah manakala kadar larut-resap yang tinggi. Kebanyakan nutrien termasuk N, P, K dan Mg didapati sangat rendah dan menyebabkan tahap kesuburannya rendah.

Membaja dengan kadar lebih tinggi dan seimbang serta lebih kerap perlu dijalankan. Penggunaan baja organik disyorkan bagi kedua-dua jenis tanah di atas. Selain membekalkan nutrien, ia juga meningkatkan kandungan bahan organik tanah. Ia juga dapat memperbaiki struktur, meningkatkan daya pegang air dan kelembapan tanah.

Baja sebatian MPOB F4 yang telah dihasilkan sesuai untuk tanah laterit dan juga bris. Penggunaannya membantu menambah kandungan bahan organik dan seterusnya membantu memperbaiki kesuburan tanah. Panduan pembajaan sawit di tanah laterit dan bris adalah seperti dalam *Jadual 3*.

Kesimpulan

Memandangkan kos pembajaan yang tinggi, pekebun sawit seharusnya mengamalkan program pembajaan yang berhemah dengan kadar serta kekerapan yang betul. Pemilihan baja yang sesuai terutama jika melibatkan kawasan tanah bermasalah juga penting. Pelaksanaan pro-

gram pembajaan yang seimbang dan menepati keperluan di kawasan tanah bermasalah dapat meningkatkan hasil BTS seterusnya menambahkan pendapatan mereka.



Sumbangan:


Hamdan Abu Bakar (hamdan@mpob.gov.my) dan
Khairuman Hashim (khairuma@mpob.gov.my)

Sudut Renungan

Rasulullah SAW bersabda, Tidak ada hasad (iri) yang dibenarkan kecuali terhadap dua orang, iaitu terhadap orang yang Allah berikan harta, dia habiskannya dalam kebaikan dan terhadap orang yang Allah berikan ilmu, dia memutuskan dengan ilmu itu dan mengajarnya kepada orang lain.

(Hadis riwayat Shahih Muslim)

SKIM DISKAUN CANTAS (SKIDIC)



JIMAT
RM1000!!!!

Untuk setiap unit pembelian
Pemotong Sawit Bermotor
(Cantas)

KEGUNAAN CANTAS

Untuk menuai tandan dan memotong pelepah sawit serta terbukti amat berkesan meningkatkan keberkesanan penuaian.

KEMERIAHAN CANTAS

- **Pantas** – masa bekerja yang cepat, dapat menuai lebih banyak tandan sawit dan boleh melakukan kerja-kerja lain serentak
- **Jimat Tenaga** – tidak melelahkan dan dapat memanjangkan masa bekerja
- **Mudah** – mampu dikendalikan oleh wanita dan warga emas
- **Bergaya** – boleh menarik minat anak muda untuk bekerja di ladang sawit
- Meningkatkan produktiviti penuaian
- Meningkatkan pendapatan bagi yang mengambil upah persendirian
- Boleh menjadi kontraktor mengambil upah menuai di kebun orang lain

SIAPA YANG LAYAK?

Warganegara/pemastautin tetap (PR)

- Warganegara atau pemastautin tetap
- Individu/entiti yang menuai ladang sawit milik pekebun-pekebun kecil dengan jumlah keluasan 50 ha atau lebih keluasan yang munasabah bergantung kepada persekitaran, lokasi dan topografi atau lain-lain sebab yang diputuskan oleh MPOB
- Ketinggian aras tuai pokok sawit tidak melebihi 3 m (10 kaki) atau yang boleh dituai menggunakan Cantas
- Lot-lot yang dituai mempunyai lesen MPOB (kecuali peserta rancangan tersusun)

(Bagi pekebun kecil persendirian yang menuai kebun sendiri, keluasan minimum adalah 2 ha).

BAGAIMANA MEMOHON?

Permohonan melalui borang boleh dibuat melalui:

Pegawai TUNAS di kawasan anda.

UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGI:

- **Zulkifli Abd Manaf** Tel: 03-8769 4489/ 012-2260595
- **Sheilyza Mohd Ishak** Tel: 03-8769 4549/ 012-6958207
- atau lawati www.mpob.gov.my

TUNGGU APA LAGI ?!
SIAPA CEPAT DIA
DAPAT



M P O B

LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN
DAN KOMODITI

KENALILAH... BAJA MPOB F4



Baja MPOB F4.

Baja MPOB F4 ialah baja kimia yang dicampurkan dengan bahan organik dan bahan mineral semula jadi. Sumber nutrien ialah urea untuk membekal nutrien nitrogen (N), kalium klorida untuk membekal nutrien kalium (K_2O) dan kieserite untuk membekal baja magnesium (MgO). Bahan mineral ialah batuan fosfat untuk membekalkan nutrien fosforus (P_2O_5) dan zeolite sebagai bahan perapi yang meningkatkan kecekapan pembekalan nutrien kepada pokok. Baja yang mengandungi bahan organik sesuai bagi tanah bukit kerana tanah lapisan atas yang mengandungi bahan organik yang subur telah dipotong untuk pembinaan teres. Baja campuran kimia dan organik terbukti dapat mengeluarkan hasil buah tandan segar (BTS) yang setanding dengan baja kimia (Jadual 1).

Baja bernutrien seimbang MPOB F4 telah dirumuskan untuk mengembalikan kesuburan tanah dengan bahan organik dan merapikan tanah bermasalah dengan mineral semula jadi zeolite. Baja MPOB F4 yang dikilangkan oleh All Cosmos Industries Sdn Bhd terdiri daripada baja kimia, bahan organik dan sejenis zeolite yang khas dan sesuai untuk campuran baja. Baja ini dikenali sebagai baja 3 dalam 1 iaitu (i) nutrien daripada bahan yang seimbang untuk penghasilan buah yang banyak; (ii) bahan organik daripada bahan tanaman yang bertindak sebagai penyubur tanah dan menggalakkan kehidupan mikrob tanah; (iii) mineral semula jadi zeolite khas yang bertindak sebagai perapi dan meningkatkan kecekapan pengambilan nutrien oleh akar pokok.

Baja MPOB F4 juga disediakan daripada bahan organik berasal daripada tanaman seperti beras hancur, kerang koko, kancas kopi, enapan kek sawit dan abu tandan sawit. Bahan organik ini selamat dipakai setelah dikompos dengan mikroorganisma berfaedah. Baja ini dirumuskan untuk membekalkan N, P dan K dengan nisbah 9:6:18 dan juga mengandungi nutrien magnesium dan boron. Baja kimia yang terdapat dalam MPOB F4 diikat oleh mineral zeolite dan bahan organik yang merupakan bahan mesra alam serta berupaya untuk memperbaiki mutu tanah. Selain daripada membantu mengekalkan kelembapan tanah serta nutriennya, kandungan organik dapat mengundang kehadiran cacing tanah serta mikrob yang berfaedah. Oleh itu, baja MPOB F4 bukan sahaja dapat meningkatkan hasil sawit, tetapi juga dapat memperbaiki dan mengekalkan

JADUAL 1. JENIS BAJA DAN PERBANDINGAN HASIL

Jenis baja	BTS t/ha Tahun 1	BTS t/ha Tahun 2
Baja kimia 1	21.3	25.5
Baja kimia 2	18.8	28.3
Baja organik	19.2	22.9
Baja kimia + organik 1	21.3	29.1
Baja kimia + organik 2	20.2	26.8

Sambungan dari muka surat 8

JADUAL 2. CADANGAN DOS DAN PENGGUNAAN BAJA MPOB F4

Umur pokok	Pusingan dalam setahun		
	Bulan ke 2-3	Bulan ke 5-6	Bulan ke 8-9
3 tahun	1.5 kg/pk	1.5 kg/pk	1.5 kg/pk
4 tahun	2.0 kg/pk	2.0 kg/pk	2.0 kg/pk
> 5 tahun	2.5 kg/pk	2.5 kg/pk	2.5 kg/pk

kesuburan tanah. Cadangan dos dan penggunaan MPOB F4 adalah seperti dalam *Jadual 2*.

Cadangan di atas merupakan cadangan umum dan penggunaan serta dos sesuai bergantung kepada umur pokok sawit, kandungan nutrien tanah dan potensi penghasilan BTS dan iklim (musim hujan).



Sumbangan:
Ahmad Tarmizi Mohamed
(tarmizi@mpob.gov.my)

????????? Kuiz Sawit ????????????

Pembaca *Warta Sawit* berpeluang memenangi wang tunai berjumlah RM 50 sekiranya berjaya menjawab lima soalan yang diberikan dengan tepat. Hanya tiga penyertaan bertuah yang menjawab dengan tepat akan dipilih sebagai pemenang.

Syarat penyertaan

- Terbuka kepada pembaca *Warta Sawit* kecuali kakitangan dan ahli keluarga Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB);
- Sila tulis jawapan sama ada dengan tulisan tangan atau taip;
- Tarikh tutup penyertaan adalah pada **30 Jun 2011**; dan
- Keputusan pengadil adalah muktamad.

Hantar jawapan anda berserta nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat yang jelas dan lengkap kepada:

Kuiz Warta Sawit
Ibu Pejabat MPOB, Peti Surat 10620
50720 Kuala Lumpur

*u/p: Dr Hj Zainon Mat Sharif
Unit Pengembangan dan Latihan
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan
Pengembangan*

1. Apakah tema Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit 2010?
2. Berikan nama pemotong sawit bermotor hasil kajian MPOB yang mampu meningkatkan produktiviti penuaian sawit pokok muda.
3. Senaraikan panduan pemangkasan yang betul untuk pokok sawit berusia tiga tahun, lima tahun, 10 tahun dan lebih 14 tahun.
4. Bagaimanakah MPOB menghasilkan telur tinggi tokotrienol?
5. Apakah amalan pertanian yang baik dilakukan oleh Tn Hj Manan Ahmad di kebun beliau?

***DAPATKAN JAWAPAN UNTUK SOALAN KUIZ BERDASARKAN ARTIKEL
DALAM WARTA SAWITB IL.45/ 2010.**



Resipi Kentang Goreng Pedas

Bahan

- 1 kg kentang
- 5 ulas bawang putih
- 7 ulas bawang merah
- 40 g ikan bilis (ditumbuk)
- 1 kg lelemak sawit (minyak masak) untuk menggoreng
- 3 camca besar cili boh (cili kering yang dimesin)
- 125 g minyak masak sawit untuk menumis

Cara Membuat

A. KENTANG

- Kupas kentang, basuh, kemudian hiris menjadi bentuk bulat dan nipis.
- Panaskan lelemak sawit atau minyak masak dalam kualiti.

- Goreng hirisan kentang. Kacau supaya kentang sama rata garingnya. Apabila kentang sudah garing, angkat dan toskan minyak.
- Ulang menggoreng hingga kentang habis digoreng.

B. BAHAN TUMIS

- Tumbuk bawang putih dan bawang merah.
- Panaskan minyak masak untuk menumis.
- Tumis cili boh hingga garing.
- Masukkan bawang putih kemudian bawang merah dan kacau.
- Masukkan ikan bilis dan kacau hingga garing.

C. KENTANG GORENG PEDAS

- Masukkan kentang yang telah digoreng ke dalam bahan tumisan yang telah garing dan kacau rata.
- Angkat dan hidang bersama nasi atau roti.
- Hidangan ini juga sesuai dimakan sebagai makanan ringan.

Nota: Untuk menyimpan, gunakan bekas kedap udara.

Mulai keluaran akan datang, para pembaca dipelawa untuk menghantar bahan sumbangan bagi Sudut Kreatif Warta Sawit. Bahan sumbangan boleh meliputi resipi, gubahan atau barangan kreatif berasaskan bahan sawit atau menggunakan bahan buangan sawit. Setiap sumbangan hendaklah disertakan gambar bersama keterangan yang lengkap. Pembaca juga perlu menyertakan nama penuh, alamat dan nombor telefon untuk dihubungi. Sumbangan yang terpilih dan tersiar dalam Warta Sawit akan menerima cenderamata khas daripada MPOB.

SEMBANG SAWIT



SEDUTAN AKHBAR

**Tajuk : MINYAK SAWIT TINGKAT SUMBANGAN GNI KEPADA RM 178 BILION
MENJELANG 2020**

Tarikh : Utusan Borneo, 23 September 2010

Kuala Lumpur Sumbangan pendapatan negara kasar sektor minyak sawit (GNI) dijangka meningkat sebanyak RM 125 bilion kepada RM 178 bilion menjelang 2020.

Penambahan sebanyak 41 000 pekerja juga akan diwujudkan ketika itu di mana 40% daripadanya merupakan pekerjaan berkemahiran tinggi, dengan purata pendapatan bulanan sebanyak RM 6000.

Ini merupakan beberapa perkara yang dibincangkan pada bengkel Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) pada Hari Terbuka Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang dianjurkan oleh Unit Prestasi Pengurusan dan Penyampaian (PEMANDU).

Menurut sumber, sasaran itu akan membantu mengubah Malaysia menjadi ekonomi berpendapatan tinggi menjelang 2020, berdasarkan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) dan Model Baharu Ekonomi yang berasaskan prinsip 1 Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

Tajuk : RM 5 JUTA BINA KEMUDAHAN BIODIESEL B5

Tarikh : Harian Metro, 6 Oktober 2010

Kuala Lumpur Kerajaan memperuntukkan sehingga RM 5 juta kepada lima syarikat petroleum untuk membina kemudahan dan kelengkapan bagi menyokong penggunaan biodiesel B5.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok berkata, kerajaan masih meneliti perkara itu dan akan memberikan RM 1 juta kepada lima syarikat petroleum terbabit melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

Wang diberikan itu akan digunakan untuk pembinaan kemudahan dan infrastruktur bagi campuran B5 dan tidak menjadi masalah untuk mereka menyiapkannya menjelang Jun 2011, katanya selepas merasmikan Seminar dan Pameran Minyak Sawit Antarabangsa di sini.

Tajuk : SPOC TINGKAT IMEJ INDUSTRI MINYAK SAWIT NEGARA

Tarikh : Berita Harian, 10 November 2010

Dalam usaha menaikkan imej Malaysia sebagai pengeluar minyak sawit secara mapan, bukan hanya di peringkat ladang berskala besar, tetapi juga pekebun kecil, Kelompok Minyak Sawit Mapan (SPOC) diperkenalkan pada 30 November tahun lalu.

Pada peringkat permulaan, 10 kelompok pekebun kecil persendirian membabitkan 7039 pekebun kecil dengan kawasan penanaman seluas 28 292 ha dipilih sebagai projek rintis SPOC.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, berkata tujuan SPOC ditubuhkan adalah untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti buah tandan segar sawit pekebun kecil menerusi pensijilan *Roundtable on Sustainable Palm Oil* (RSPO) yang memberi penekanan dalam Amalan Pertanian Baik (GAP).

SPOC juga dapat membantu meningkatkan pendapatan pekebun kecil melalui aktiviti koperasi di mana pekebun kecil akan mendapat harga jualan BTS lebih baik apabila mereka menjualnya secara pukal selain mendapat input pertanian seperti baja dan racun dengan harga yang lebih murah.

Bersambung ke muka surat 12

Sambungan dari muka surat 11

Tajuk : KURANGKAN KEBERGANTUNGAN TENAGA MANUSIA

Tarikh : Utusan Sarawak, 23 November 2010

Kuala Lumpur Survival industri sawit di Malaysia amat bergantung kepada penggunaan jentera automasi yang meluas dalam semua bidang operasi di ladang, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok.

Hari ini, banyak operasi di ladang sawit berjaya dilaksanakan dengan menggunakan jentera daripada memetik buah, memindahkan buah tandan segar, muatan ke pengangkutan saluran utama, aplikasi pembajaan dan kawal racun serangga, kata beliau semasa merasmikan Seminar Kebangsaan mengenai Mekanisasi di Ladang Sawit anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) di sini.

Beliau berkata kejayaan penggunaan jentera dalam industri sawit menghasilkan beberapa penemuan baharu yang banyak meningkatkan kualiti hidup tenaga kerja.

Tajuk : TINGKAT PRODUKTIVITI INDUSTRI SAWIT

Tarikh : Utusan Sarawak, 2 Disember 2010

Saratok Kerajaan melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) akan mewujudkan 10 Koperasi Penanam Sawit Mampan di negara ini dalam usaha untuk menjadikan sawit sebagai makanan berkhasiat terbaik dunia.

Pengerusinya, Dato Seri Utama Shahrir Abdul Samad berkata, usaha yang mendapat kerjasama pihak industri sawit itu juga bertujuan memperkembangkan dan meningkatkan produktiviti industri sawit negara.

Setakat ini katanya, MPOB mewujudkan dua koperasi manakala lapan lagi sudah mendapat kelulusan kerajaan.

Bagi tahun ini, kita mensasarkan lima buah Koperasi Penanam Sawit Mampan yang masing-masing di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia, manakala sasaran selebihnya pada tahun depan, katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Koperasi Sawit Mampan Daerah Saratok, di sini.

Tajuk : SYARIKAT MINYAK SAWIT CAPAI SASARAN KADAR PERAHAN MINYAK

Tarikh : Berita Harian, 20 Disember 2010

Kuala Lumpur Syarikat minyak sawit sudah melebihi sasaran Kadar Perahan Minyak (OER) Malaysia, suatu pencapaian yang jelas mencerminkan industri yang semakin meningkat.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, berkata bagi memaksimumkan pendapatan ladang dan industri, dengan harga yang berlegar sekitar RM 3000 setan, OER perlu dipertingkatkan ke tahap jauh lebih tinggi.

I ni boleh dicapai melalui kecekapan pengurusan, amalan berkualiti dan teknologi baru, katanya pada majlis penyampaian Anugerah Industri Sawit anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) di sini.

Beliau berkata, peningkatan OER sebanyak 1% akan menghasilkan pendapatan tambahan RM 458 juta bagi industri minyak sawit negara berdasarkan harga purata RM 2665 tan antara Januari hingga November tahun 2010.

TAHUKAH ANDA?

GANOSKEN™ UNTUK MENGESAN PENYAKIT REPUT PANGKAL BATANG

Pengenalan


Kulat *Ganoderma* merupakan agen perosak yang utama terhadap pokok sawit di Malaysia dengan menyebabkan penyakit reput pangkal batang (RPB). Kehadiran penyakit *Ganoderma* sukar dikesan pada peringkat awal perkembangan pokok. Simptom yang dikesan apabila adanya jangkitan *Ganoderma* adalah kehadiran jasad buah (basidiomata), pereputan tisu batang di pangkal pokok dan daun pokok kelihatan layu disebabkan kekurangan nutrien (Rajah 1). Apabila simptom luaran penyakit telah mula dikesan pada pokok sawit tua, kebiasaannya pokok adalah dalam keadaan sangat teruk dan tidak boleh dirawat lagi. Oleh itu, satu teknologi telah dibangunkan iaitu GanoSken™ (Rajah 2)

bagi mengatasi masalah ini. GanoSken™ berkeupayaan mengesan pada peringkat awal penyakit *Ganoderma* pada pokok sawit.

Teknologi GanoSken™

Teknologi pengesanan ini terdiri daripada sensor bunyi dan perisian tomografi yang dikenali sebagai GanoSken™. Selain itu, ia turut dikenali sebagai teknologi pengimejan keratan rentas.

GanoSken™ mampu mengesan kehadiran penyakit *Ganoderma* dengan cepat dan tepat iaitu dalam anggaran masa 15 min. Pengesanan penyakit dilakukan dengan menggunakan set pengesan (*sensor*) yang dipasang di sekeliling batang pokok. Gelombang bunyi yang terhasil daripada alat pengesan akan menghasilkan garis bunyi yang merentasi batang pokok. Bahagian batang pokok yang mengandungi pereputan akibat penyakit *Ganoderma* akan menghasilkan kelajuan bunyi yang lemah berbanding batang pokok yang sihat. Data dan imej yang terbentuk daripada biosensor dan imej tomografi akan diolah kepada bentuk imej yang lebih mudah difahami, di mana lokasi dan saiz pereputan batang yang sebenar dapat dilihat dengan lebih baik dalam bentuk imej keratan rentas. Data pereputan dapat diterangkan dengan lebih mudah melalui imej berwarna iaitu warna putih dan biru (batang telah reput); ungu (batang sedang mereput); coklat dan hitam (batang padu/sihat) (Rajah 3).



Rajah 1. Simptom yang dikesan apabila adanya jangkitan *Ganoderma*. (a) Jasad buah (basidiomata); (b) Reput pangkal batang; dan (c) Pokok kelihatan layu.

Berita Bergambar



Tan Sri Bernard Dompok, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyampaikan replika kad keahlian koperasi kepada peserta koperasi daerah Tongod, Sabah pada 13 Oktober 2010.

Datuk Hamzah Zainuddin, Timbalan Menteri KPPK dan Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad, Pengerusi MPOB mendengar taklimat En Zulkifli Abd Rahman, Ketua Unit Pengilangan dan Pemprosesan MPOB, semasa lawatan kerja ke Pusat Teknologi Kilang Sawit (POMTEC) di Labu, Negeri Sembilan pada 29 November 2010.



Tenaga pengajar memberikan penerangan kepada pelajar Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML) tentang bagaimana penyambungan implement kepada penyangkut tiga mata pada bahagian traktor semasa sesi kelas amali sesi September 2010.



Pegawai MPOB memberikan penerangan kepada Tan Sri Bernard Dompok, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi semasa melawat tapak pameran sempena Mini Seminar Pemindahan Teknologi di Hotel Hyatt Regency, Kota Kinabalu, Sabah pada 11 Oktober 2010.





Barisan pembentang kertas kerja semasa program Workshop on Standard Operating Procedure for Oil Palm Cultivation on Peat di Hotel RH, Sibul, Sarawak pada 9-10 November 2010.

Datuk Dr Choo Yuen May menyampaikan cenderahati kepada Datuk Dr Mohd Basri Wahid pada majlis persaraan Datuk Dr Mohd Basri Wahid sebagai Ketua Pengarah MPOB.




Tan Sri Bernard Dompok, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad, Pengerusi MPOB melancarkan buku Sustainability Manual semasa merasmikan Seminar Pengilangan, Penapisan, Alam Sekitar dan Kualiti Peringkat Kebangsaan 2010 (POMREQ).


Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad, Pengerusi MPOB menyampaikan bantuan alat meracun kepada peserta koperasi di Jasin, Melaka pada 20 Disember 2010.




Sambungan dari muka surat 13




Rajah 2. (a) GanoSken™ (b) Set pengesan GanoSken™ yang dipasang di sekeliling batang pokok.



(a) Imej tomografi dan keratan rentas pokok yang masih berdiri tetapi memperlihatkan simptom jangkitan Ganoderma. Pokok dikesan mengalami pereputan pada pangkal batang.



(b) Imej tomografi dan keratan rentas terhadap pokok yang masih berdiri dan kelihatan sihat. Pokok dikesan tidak mengalami sebarang pereputan dan jangkitan Ganoderma.



